

28 JUL 2003

Abdullah-Perbincangan/I

ABDULLAH ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN DELEGASI JETRO, JACTIM

PUTRAJAYA, 28 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengadakan perbincangan dengan delegasi Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun (Jactim) di pejabatnya di sini.

Delegasi itu yang diketuai pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Jetro Osamu Wanatabe terdiri daripada 60 eksekutif kanan dari 47 syarikat Jepun.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat sejam itu, Abdullah berkata Malaysia sentiasa menggalakkan industri kecil dan sederhana (SME) dari Jepun datang melabur dan menjalin usaha sama dalam pelbagai bidang dengan rakan mereka di sini.

"Syarikat Jepun bersedia untuk bekerjasama dan menjalin usaha sama di sini," kata Abdullah.

Abdullah juga berkata beliau memberitahu delegasi itu bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggalakkan syarikat-syarikat Jepun melabur, terutama dalam bidang bioteknologi.

Osamu berkata mesyuarat itu begitu menarik dengan perbincangan ditumpukan antara lain kepada kaedah bagi meningkatkan kerjasama perniagaan antara syarikat-syarikat Malaysia dan Jepun.

Beliau berkata delegasi itu yang tiba di sini semalam adalah dalam misi perniagaan tiga hari ke Malaysia.

Sebelum itu, mereka menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan petang ini delegasi itu akan mendengar taklimat daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), diikuti sesi pepadanan perniagaan.

Esok, delegasi itu dijadual menemui Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RIZ LAT